

Bahagian C

Jawab soalan yang berikut.

1. Keratan akhbar di bawah menunjukkan isu ponteng dalam kalangan murid. Berdasarkan keratan akhbar tersebut, jawab soalan-soalan yang berikut.

TELUK KETAPANG – Lapan pelajar sekolah menengah di daerah ini ‘dicekup’ sedang asyik melayari Internet ketika masih dalam waktu persekolahan di salah sebuah pusat ICT di Seberang Takir.

Kesemua pelajar berusia antara 16 dan 17 tahun itu turut lengkap berpakaian sekolah dan difahamkan mereka kerap mengunjungi pusat ICT pada waktu sepatutnya berada di dalam kelas.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Teluk Ketapang, Md Azmi Abd Aziz berkata, pihaknya kerap menerima aduan daripada orang ramai mengenai aktiviti tidak sihat melibatkan pelajar itu.

“KRT melalui ahli Skim Rondaan Sukarela (SRS) membuat serbuan di pusat ICT itu dan mendapati seramai lapan pelajar sedang melayari Internet.

“Kesemua mereka dipercayai ponteng sekolah dan memilih untuk pergi ke pusat berkenaan bagi menghabiskan masa sebelum tamat waktu persekolahan.

“Jadi, pihak kami memberi teguran dan amaran kepada mereka untuk pulang ke rumah serta tidak mengulangi kesalahan,” katanya kepada Sinar Harian.

(Sumber : Sinar Harian, 24 Februari 2017)

- (a) Senaraikan tiga ciri sahabat negatif.

- (b) Jelaskan kesan kejadian tersebut terhadap diri dan keluarga anda.

- (c) Huraikan dua cara yang boleh anda lakukan bagi mengelakkan diri daripada menjalinkan hubungan persahabatan dengan sahabat yang gemar ponteng sekolah.

Soalan a:

- i. Suka berbohong
- ii. Terlibat dengan gejala sosial
- iii. Suka ponteng sekolah